Ansuran bulanan yang pertama bermula pada tarikh yang tertera dalam Jadual Pembayaran Balik Bank iaitu hari berikutnya selepas luputnya masa satu (1) bulan dari tarikh penyaluran penuh Kemudahan. Ansuran-ansuran seterusnya hendaklah dibayar pada selang-selang masa tetap secara berturut-turut satu (1) bulan setiap satunya sehingga pembayaran penuh amaun Kemudahan tersebut dan kesemua faedah keatasnya. Pihak Bank berhak menarik balik Kemudahan dan menuntut pembayaran balik jumlah semua Ansuran Bulanan yang masih belum dibayar, Kadar Faedah Ingkar, kos, fi dan kesemua jumlah lain terhutang dan perlu bayar di bawah Kemudahan tersebut atas budi bicara mutlak apabila berlakunya Kejadian Ingkar.

5. Kadar Faedah Ingkar. Peminjam akan bertanggungjawab untuk membayar faedah ingkar pada kadar satu peratus (1%) setahun dikira atas dasar harian apabila berlaku salah satu yang berikut:

- (a) Keingkaran Pembayaran;
- (b) Peminjam gagal membayar Ansuran Bulanan pada tarikh matang;
- (c) Peminjam gagal membayar faedah atas sebarang wang yang telah dipersetujui di bawah Kemudahan ini, dan/atau
- (d) Pelanggaran mana-mana terma Kemudahan.

Kadar faedah ingkar akan dikira atas dasar harian tetapi caj dikenakan atas dasar bulanan mengikut formula berikut:

$$DI = \frac{(1\%) \times IA \times D}{ND} \text{ dimana}$$

DI merupakan Faedah Ingkar

IA merupakan Amaun Ansuran

D merupakan bilangan hari Peminjam lewat bayar Amaun Ansuran dari tarikh matang Ansuran Bulanan

ND merupakan bilangan hari dalam tahun

6. Perubahan Faedah. Pihak Bank berhak mengubah Kadar Faedah Ditetapkan dan Kadar Faedah Ingkar pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan terlebih dahulu memberi notis kepada Peminjam. Notis perubahan pihak Bank boleh diberi dalam apa sahaja bentuk, dan boleh diberi melalui:

- (a) penyata berkala yang dikeluarkan oleh pihak Bank;
- (b) iklan dalam akhbar nasional harian ditujukan kepada orang awam secara umum;
- (c) notis yang dipaparkan di cawangan-cawangan pihak Bank;
- (d) notis yang dipaparkan dalam laman sesawang pihak Bank, melalui saluran internet/perbankan mudah alih pihak Bank atau sebarang cara elektronik yang lain.

Perubahan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis pihak Bank dan keputusan pihak Bank atas perubahan kadar tertera di atas dan tarikh berkuat kuasanya perubahan itu adalah muktamad. Faedah atas sebarang wang prinsipal termasuk faedah tambahan dan faedah dipermodalkan hendaklah pada selang-selang masa bulanan dipermodalkan dan ditambah pada selang-selang masa bulanan bagi semua tujuan kepada jumlah prinsipal yang terhutang pada masa itu dan hendaklah dari saat itu dikenakan faedah pada Kadar Faedah Ditetapkan berkenaan dan dijamin serta dibayar sewajarnya.

7. Jadual Pembayaran Balik. Bermaksud jadual pembayaran balik yang memaparkan butiran Kemudahan yang diluluskan, termasuk Amaun Kemudahan diluluskan, Ansuran Bulanan, Kadar Faedah Ditetapkan, tarikh matang bayaran dan tempoh Kemudahan.

8. Cukai-Cukai Kerajaan dan/atau berkanun/dibawah kawalan untuk mengenakan caj, fi dan sebagainya.

- (a) Bagi tujuan Klausa ini:
“**Cukai**” bermaksud sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, fi, potongan atau penahanan di Malaysia atau asing, langsung atau tak langsung, masa sekarang atau masa akan datang, apa jenis pun, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Berkenaan, termasuk tanpa batasan, sebarang cukai penggunaan dan cukai-cukai lain biar apa pun nama yang diberi, dan sebarang faedah, denda atau penalti berkenaan dengannya. “**Pihak Berkuasa**

Berkeajaan” bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal percukaian.

- (b) Semua fi, caj dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar oleh Peminjam kepada pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang amaun pembayaran ganti yang perlu dijelaskan oleh Peminjam kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk sebarang Cukai, dan hendaklah dijelaskan tanpa sebarang tolakan, penahanan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau kerana sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan.
- (c) Sekiranya Peminjam diminta untuk menolak sebarang cukai dari pembayaran kepada pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini, Peminjam mestilah menambah jumlah yang perlu dibayar sehingga pihak Bank menerima jumlah yang sepatutnya diterima oleh pihak Bank sekiranya penolakan Cukai tersebut tidak diperlukan. Sekiranya pihak Bank diminta untuk menolak sebarang cukai dari pembayaran kepada Peminjam, pihak Bank tidak perlu menambah jumlah yang perlu dibayar.
- (d) Selain fi, caj dan/atau semua wang lain yang perlu dibayar, Peminjam hendaklah membayar kepada pihak Bank semua Cukai berkeajaan pada kadar semasa berkeajaan dan/atau sebarang amaun yang ditentukan oleh pihak Bank untuk menampung sebarang pembayaran/liabiliti/obligasi Cukai yang sehubungan dengannya, tanpa sebarang tolakan, penahanan atau syarat dan tanpa sebarang potongan untuk atau kerana sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penahanan, selain Cukai yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang yang perlu dibayar oleh Peminjam terus kepada mana-mana Pihak Berkuasa Berkeajaan, di mana Peminjam hendaklah membayar terus kepada Pihak Berkuasa Berkeajaan.
- (e) Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat antara pihak Bank dengan pihak percukaian berkuasa berkeajaan bagi sesuatu amaun yang dibayar sebagai Cukai sebagai akibat sesuatu bekalan yang dilakukan atau dinilai sebagai telah dilakukan atau sebarang hal lain sehubungan dengan Terma dan Syarat ini oleh pihak Bank, maka suatu pelarasan bersamaan boleh dibuat atas budi bicara pihak Bank antara pihak Bank dengan Peminjam dan dalam hal sedemikian, sebarang pembayaran yang perlu dibuat untuk melaksanakan pelarasan itu hendaklah dibuat.
- (f) Semua Cukai yang perlu dibayar oleh Peminjam kepada pihak Bank seperti mana diperuntukkan di sini hendaklah dijelaskan mengikut masa dan dengan cara yang diminta oleh pihak Bank.
- (g) Peminjam dengan ini bersetuju memenuhi semua permintaan munasabah pihak Bank untuk membantu pihak Bank menunaikan obligasinya menurut mana-mana undang-undang berkeajaan berkaitan dengan sebarang Cukai yang telah dikenakan. Sekiranya sesuatu Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dicaj ke atas transaksi yang termaktub dalam Terma dan Syarat ini, maka Peminjam bersetuju memberi segala kerjasama kepada pihak Bank demi membantu pihak Bank menunaikan obligasinya di bawah undang-undang berkeajaan.
- (h) Bagi mengelakkan keraguan, kesemua pihak terbabit bersetuju bahawa sebarang jumlah wang yang perlu dibayar atau amaun yang digunakan dalam pengiraan jumlah wang yang perlu dibayar yang diungkapkan dalam Terma dan Syarat ini telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk amaun yang perlu ditambah di bawah fasal ini berkeajaan dengan Cukai.

9. Penyelesaian Awal. Peminjam boleh pada bila-bila masa melakukan penyelesaian awal Kemudahan secara penuh dengan terlebih dahulu memberi notis awal tiga (3) bulan secara bertulis kepada pihak Bank, atau membayar faedah tiga (3) bulan atas amaun yang ditebus, sebagai ganti kepada notis. Rebat bagi penyelesaian awal ("**Rebat**") atas baki faedah yang dikenakan akan diberi

kepada Peminjam bagi tempoh belum luput bermula selepas tempoh notis tiga (3) bulan. Rebat akan dikira mengikut formula berikut**:

$$R = \frac{(n - 3)(n - 2)}{N(N + 1)} \times I \text{ dimana}$$

R Rebat (RM)
n Bilangan Ansuran Bulanan meliputi tempoh belum luput
N Tempoh Pinjaman
I Faedah kena bayar bagi keseluruhan Tempoh Pinjaman (RM)

Ilustrasi untuk menunjukkan pengiraan Rebat untuk Pinjaman 60 bulan (5 tahun) dengan amaun prinsipal RM50,000 dan kadar faedah 12.5% setahun, tetapi dengan penyelesaian awal selepas 20 bulan (dimana notis penyelesaian awal diberikan kepada pihak Bank sebelum tarikh matang Ansuran Bulanan berikutnya), terdapat di bawah:

$$\begin{aligned} N &= 60 \\ n &= 60 - 20 \\ I &= 50,000 \times 12.5/100 \times 5 = 31,250 \\ R &= \frac{(40 - 3)(40 - 2)}{60(60 + 1)} \times 31,250 = \text{RM}12,004.78 \end{aligned}$$

Nota:

**Rebat akan dikira berdasarkan “Peraturan 78” (Rule of 78) atau “Hasil Tambah Digit” (Sum of Digits) dimana kaedah pengiraan bahagian prinsipal dan faedah yang perlu dibayar bagi keseluruhan pinjaman mengandaikan bahawa faedah membentuk peratusan lebih besar ansuran bulanan pada peringkat awal pinjaman. Peminjam hendaklah membayar balik segala Ansuran Bulanan yang perlu dibayar bagi tempoh belum luput tertakluk kepada Rebat tersebut.

10. Perubahan Ansuran. Pihak Bank berhak mengubah bilangan dan/atau amaun ansuran pada bilabila masa dengan memberi notis bertulis kepada Peminjam.

11. Kejadian Keingkaran. Kemudahan, faedah yang dikenakan ke atasnya dan semua wang lain yang terhutang atau masih belum dibayar oleh Peminjam di bawah Terma dan Syarat ini dan mana-mana perjanjian lain akan matang dan perlu dibayar balik oleh Peminjam kepada pihak Bank dengan segera dan pihak Bank berhak memperoleh kembali jumlah yang sama berserta faedah ke atasnya mengikut Kadar Faedah Ingkar yang tertera di atas sekali gus dengan sebarang kos dan fi yang perlu dibayar oleh Peminjam apabila berlaku salah satu yang berikut:

- (a) jika Peminjam gagal membayar sebarang wang yang perlu dibayar dan kena bayar kepada pihak Bank;
- (b) jika Peminjam ingkar atau gagal menunaikan mana-mana aku janji, perjanjian atau manamana Terma dan Syarat di sini;
- (c) jika Peminjam melakukan tindakan kebankrapan atau memasuki sebarang komposisi atau peraturan dengan atau untuk manfaat para pemiutangnya;
- (d) jika sebarang distres atau pelaksanaan dilevi atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana harta milik Peminjam;
- (e) jika Peminjam menjalani hukuman tahanan, menjadi tidak siuman atau meninggal dunia;

- (f) jika berlaku sebarang perubahan material kepada kedudukan kewangan Peminjam yang pada pendapat pihak Bank yang munasabah berkemungkinan besar akan menjejaskan keupayaan Peminjam untuk melunaskan Kemudahan dan faedah yang dikenakan ke atasnya;
- (g) sebarang representasi atau kenyataan yang dibuat oleh Peminjam yang tidak tepat atau tidak dipatuhi; atau
- (h) jika perubahan undang-undang atau peraturan berkenaan menyebabkan ianya mustahil atau salah di sisi undang-undang untuk pihak Bank meneruskan penawaran Kemudahan tersebut kepada Peminjam; atau
- (i) jika sesuatu kejadian telah berlaku atau sesuatu keadaan yang sedia ada yang boleh atau mungkin menjejaskan keupayaan Peminjam mematuhi mana-mana terma dalam Terma dan Syarat ini.

12. Pembatalan. Pihak Bank berhak menyemak semula, membatalkan, menarik balik, menggantung atau memanggil balik Kemudahan yang telah diluluskan atau disalurkan itu dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Peminjam apabila keadaan yang mempengaruhi Peminjam yang pada pendapat pihak Bank yang munasabah mempunyai kesan buruk kepada Peminjam atau pihak Bank.

13. Semakan Berkala. Pihak Bank berhak menyemak semula Kemudahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada kejadian ingkar telah berlaku atau sebaliknya. Hasil daripada semakan ini, pihak Bank berhak untuk mengubah terma dan syarat Kemudahan atau menarik balik, membatalkan, menggantung, menamatkan atau memanggil balik Kemudahan atau mana-mana bahagiannya dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Peminjam. Dalam hal sedemikian, Peminjam bersetuju untuk menerima keputusan tersebut secara serta-merta dan membayar balik hutang yang perlu dibayar dan yang belum dijelaskan di bawah Kemudahan itu kepada pihak Bank. Peminjam bersetuju bahawa pihak Bank tidak mempunyai sebarang kewajipan lagi sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti untuk menyediakan atau terus menyediakan Kemudahan tersebut kepada Peminjam. Tanpa mengambil kira kandungan yang tertera dalam Terma dan Syarat ini, Kemudahan tersebut, semua faedah, kos dan fi perlu dibayar hendaklah dilunaskan oleh Peminjam apabila dituntut oleh pihak Bank.

14. Penyerahan Hak. Pihak Bank berhak menyerahkan dan/atau memindah milik keseluruhan atau sebahagian hak atau obligasi pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada Peminjam.

15. Notis dan Proses Perundangan. Semua notis dan komunikasi yang diberi oleh pihak Bank di sini termasuk sebarang tuntutan pembayaran yang perlu dibayar, belum dijelaskan dan masih belum dibayar oleh Peminjam hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh disampaikan kepada Peminjam di alamat Peminjam, nombor faks atau secara elektronik (termasuk mel elektronik (“emel”) dan khidmat pesanan ringkas (“SMS”)) seperti yang tertera dalam permohonan Kemudahan Peminjam dan/atau rekod pihak Bank yang terkini. Notis boleh diberi atau dilakukan melalui pos, faks, secara elektronik (termasuk emel dan SMS), serahan peribadi, notis am melalui iklan di cawangan pihak Bank, laman sesawang pihak Bank atau melalui saluran perbankan internet/mudah alih pihak Bank atau apa-apa cara elektronik yang ditentukan oleh pihak Bank. Notis atau sebarang komunikasi lain dianggap telah diserahkan kepada Peminjam:

- (a) bagi pos berdaftar atau pos biasa, lima (5) hari selepas diposkan;
- (b) bagi faks, pada hari penghantaran;
- (c) bagi emel dan/atau SMS dan/atau apa-apa jenis kaedah elektronik, pada hari penghantaran;

- (d) bagi serahan peribadi, pada masa serahan; dan
- (e) bagi notis yang dikeluarkan melalui iklan, pada tarikh iklan.

Peminjam bertanggungjawab memastikan pihak Bank sentiasa dimaklumkan tentang alamat terkini Peminjam dan butiran perhubungan lain. Penyampaian sebarang proses mahkamah akan berkuatkuasa dengan cara meninggalkan atau menghantarnya kepada alamat kediaman biasa atau terakhir diketahui atau lokasi perniagaan atau di alamat Peminjam seperti mana dinyatakan dalam permohonan Kemudahan Peminjam, atau boleh juga berkuatkuasa dengan sebarang cara lain yang dibenarkan undang-undang.

16. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“FSA”) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (“BNM”) tentang Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Yang Berhubungan (“Garis Panduan”). Untuk membolehkan pihak Bank mematuhi FSA dan Garis Panduan tersebut, Peminjam hendaklah membuat deklarasi kepada pihak Bank sama ada Peminjam adalah pihak yang mempunyai hubungan menurut Garis Panduan, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada pasangan, anak, ibu/bapa atau tanggungan kewangan Pengarah pihak Bank, Pegawai Eksekutif atau pegawai kelulusan/penaksiran/penilaian kredit pihak Bank atau bagi pelanggan perniagaan korporat, termasuk entiti yang dikawal oleh pegawai pihak Bank yang tertera di atas. Jika pada bila-bila masa Peminjam menjadi pihak yang mempunyai hubungan, maka Peminjam hendaklah segera memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis. Pihak Bank berhak menamatkan Kemudahan tersebut sekiranya Peminjam gagal membuat deklarasi yang wajar atau betul sehingga mengakibatkan pihak Bank melanggar FSA atau Garis Panduan tersebut.

17. Hak untuk Mendedahkan Maklumat. Di samping pendedahan yang dibenarkan menurut Jadual 11 FSA, Peminjam memberi kuasa dan kebenaran tanpa batal kepada pihak Bank, para pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan dan menyampaikan semua maklumat berkaitan dengan Kemudahan, Terma dan Syarat ini, akaun sedia ada dan akan datang Peminjam dan sebarang perkara lain berkaitan dengan Peminjam atau perniagaan dan operasinya kepada:

- (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi apa-apa kemudahan kredit kepada Peminjam, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan lain yang diberi kuasa di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian atau pihak berkuasa/agensi lain yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia;
- (b) mana-mana perbadanan sedia ada atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (seperti ditakrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan pejabat cawangan serta wakil mereka masing-masing serta juga subsidiari-subsidiari syarikat induk pihak Bank;
- (c) Pihak Penyedia Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran bagi Kemudahan;
- (d) Juruaudit pihak Bank, peguam dan/atau ejen-ejen lain yang berkaitan dengan usaha mendapatkan semula jumlah wang yang perlu dibayar dan belum dibayar; dan
- (e) Penasihat profesional pihak Bank, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam usaha penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat berkaitan/bersekutu pihak Bank;

Penyewa dengan ini memberi persetujuan tanpa batal dalam hal pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, para pegawai dan pekerjanya tidaklah bertanggungjawab atas

penyampaian maklumat tersebut atau atas akibat kebergantungan maklumat yang disampaikan itu selaras dengan Terma dan Syarat ini.

18. Representasi dan Waranti pada Pemprosesan Maklumat Peribadi. Peminjam dengan ini memberi representasi dan jaminan bahawa Peminjam telah memperoleh persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan Kemudahan Peminjam atau sebarang dokumen yang dikemukakan kepada pihak Bank sebagai sokongan kepada permohonan tersebut dan/atau wakil-wakil sah mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan sah atau mana-mana orang lain seperti ditetapkan oleh pihak Bank ("**Subjek Data Berkenaan**"), untuk pihak Bank mengumpul, memegang dan menggunakan maklumat peribadi Subjek Data Berkenaan selaras dengan Notis Privasi Bank yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa.

19. Persetujuan Memproses Maklumat Peribadi. Peminjam dengan ini memberi persetujuan kepada pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Peminjam dan/atau diperoleh oleh pihak Bank daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul hasil daripada penyediaan perkhidmatan kepada Peminjam berhubungan dengan Kemudahan tersebut selaras dengan Notis Privasi Bank yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa. "**Notis Privasi**" bermakna dasar dan prinsip pihak Bank berkenaan kepada pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan pihak Bank yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa dan boleh didapati di laman web pihak Bank atau mengikut cara yang pihak Bank anggap sesuai dari semasa ke semasa.

20. Penepian dan Kelonggaran. Terma dan Syarat disini boleh diketepikan oleh pihak Bank secara keseluruhan atau secara sebahagian dengan syarat atau tanpa syarat dengan memberi notis kepada Peminjam tanpa menjejaskan hak pihak Bank. Sebarang kegagalan pihak Bank untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di bawah ini atau sebarang kelonggaran atau kelonggaran yang diberi oleh pihak Bank kepada Peminjam tidak harus bermakna pihak Bank telah mengetepikan mana-mana hak pihak Bank di bawah ini.

21. Tiada Tolakan atau Tuntutan Balas oleh Peminjam. Peminjam tidak berhak memotong atau menolak atau menuntut balas sebarang amaun yang terhutang atau dikatakan terhutang oleh pihak Bank kepada Peminjam daripada mana-mana amaun yang perlu dibayar oleh Peminjam di bawah Kemudahan tersebut. Peminjam bersetuju bahawa tiada apa dalam perjanjian antara pihak Bank dengan Peminjam dan/atau pihak lain yang akan menjejaskan atau dianggap sebagai suatu perjanjian tersirat yang mengehadkan atau menyangkal sebarang lien, caj, jaminan, hak menolak atau hak lain yang sepatutnya menjadi hak pihak Bank (sama ada melalui kuatkuasa undang-undang, kontrak atau sebaliknya).

22. Tolak Selesai/Penggabungan Akaun.

- (a) Pihak Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit di semua atau mana-mana akaun Pelanggan terhadap sebarang liabiliti atau baki tertunggak yang perlu dibayar dan terhutang oleh Pelanggan pada masa ini dan/atau pada masa akan datang, yang merangkumi liabiliti bersama Pelanggan ("**Jumlah Tertunggak**"), dengan memberi notis awal kepada Pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari. Pihak Bank juga boleh memperuntukkan dana yang ada di dalam akaun Pelanggan terhadap Jumlah Tertunggak dengan memberi notis kepada Pelanggan.
- (b) Sekiranya mata wang baki kredit di dalam semua atau mana-mana akaun Pelanggan berbeza dengan mata wang Jumlah Tertunggak, pihak Bank berhak untuk melakukan penukaran mata wang yang diperlukan pada kadar pertukaran semasa pihak Bank.

23. Hak Pengasingan.

- (a) Sekiranya Pelanggan gagal membuat bayaran penuh tepat pada masanya kepada pihak Bank, pihak Bank berhak untuk menggunakan sebarang bayaran atau sebahagiannya untuk menyelesaikan mana-mana jumlah wang, tunggakan, ansuran bulanan yang perlu dibayar dan caj tertunggak lain yang perlu dibayar.
- (b) Sebarang lebihan akan dianggap sebagai lebihan bayaran untuk akaun tertentu ("**Bayaran Lebihan**"). Sebarang Bayaran Lebihan tidak akan digunakan untuk pengurangan keuntungan atau pokok yang belum dijelaskan.
- (c) Pihak Bank tidak diwajibkan untuk menggunakan Bayaran Lebihan untuk menyelesaikan sebarang wang lain yang perlu dibayar terhadap mana-mana akaun Pelanggan dengan pihak Bank.
- (d) Sekiranya jumlah yang diterima atau diperoleh semula berkenaan dengan liabiliti Pelanggan adalah kurang daripada jumlah yang perlu dibayar, pihak Bank akan menggunakan jumlah tersebut dalam perkadaran dan susunan atau keutamaan sedemikian cara yang ditentukan oleh pihak Bank.

24. Pelantikan Ejen. Pihak Bank adalah berhak atas budi bicaranya melantik ejen pilihannya untuk memungut kesemua dan apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar kepada pihak Bank oleh Peminjam di bawah Terma dan Syarat ini dengan memberi notis tujuh (7) hari kepada Peminjam.

25. Pengawasan Telefon dan Perakaman. Tertakluk kepada undang-undang berkenaan, pihak Bank boleh membuat perakaman dan Peminjam memberi persetujuan kepada pihak Bank untuk merakam segala perbualan telefon yang dibuat dengan Peminjam untuk tujuan yang boleh termasuk jualan, latihan, siasatan dan sebagainya. Peminjam bersetuju bahawa:

- (a) semua rakaman telefon menjadi hak milik pihak Bank;
- (b) pihak Bank berhak menggunakan rakaman tersebut sebagai bahan keterangan dalam sebarang pertikaian.

26. Pengesahan dan Jaminan. Berikut adalah pengesahan dan jaminan yang dibuat oleh Peminjam kepada pihak Bank:

- (a) Peminjam mempunyai keupayaan untuk melaksanakan, menyampaikan dan menunaikan Terma dan Syarat yang termaktub di sini;
- (b) Terma dan Syarat ini merupakan obligasi undang-undang, sah dan mengikat yang boleh dikuatkuasakan terhadap Peminjam;
- (c) segala tindakan, syarat, benda, keizinan, persetujuan, pemberikuasaan, kelulusan, lesen dan pengecualian yang perlu dilakukan, dilaksanakan, disampaikan, dipenuhi, ditunaikan atau diperoleh supaya Peminjam boleh membuat dan menjalankan serta menunaikan hak dan obligasi Peminjam secara sah di sisi undang-undang di bawah ini dan menurut sebarang dokumen berkaitan yang dilaksanakan oleh Peminjam, telah dilakukan, dilaksanakan, disampaikan, dipenuhi, ditunaikan atau diperoleh dan sedang berkuatkuasa sepenuhnya;
- (d) Penerimaan Peminjam untuk menunaikan obligasi Peminjam di bawah Terma-terma ini dan mana-mana undang-undang, peraturan, perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan, badan, agensi, dan mahkamah yang di bawahnya Peminjam tertakluk;
- (e) Maklumat yang diberi oleh Peminjam kepada pihak Bank sehubungan dengan Terma dan Syarat ini dan Kemudahan adalah tepat, betul, benar dan lengkap tanpa sebarang peninggalan apa jua pun yang boleh menjadikan maklumat tersebut tidak tetap, tidak betul, silap, salah nyata, tidak benar, tidak lengkap atau mengelirukan dari apa jua segi. Peminjam

hendaklah segera memberitahu pihak Bank secara bertulis jika maklumat tersebut tidak lagi begitu dan/atau jika terdapat apa-apa pertukaran;

- (f) Peminjam tidak ingkar di bawah sebarang perjanjian yang Peminjam menjadi salah satu pihak atau kepadanya Peminjam terikat; dan
- (g) Peminjam bukan seorang bankrap belum dilepaskan dan tiada prosiding kebangkrapan, tindakan undang-undang, litigasi, timbangtara, prosiding pentadbiran, sivil atau jenayah yang sedia ada, menunggu penyelesaian atau diancam terhadap Peminjam yang akan menjejaskan keupayaan Peminjam untuk menunaikan obligasi Peminjam menurut Terma dan Syarat ini.

27. Penggantungan Akaun. Pihak Bank boleh meletakkan sebarang wang yang diterima atau diperoleh semula daripada Pelanggan ke dalam akaun tanpa untung yang berasingan ("**Akaun Gantung**") untuk pembayaran sebarang wang yang tertunggak dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank ("**Hutang**") dan untuk tujuan memelihara liabiliti Pelanggan dalam prosiding undang-undang atau untuk membuktikan kebangkrapan atau penggulangan Pelanggan. Walaupun pembayaran sedemikian, sekiranya Pelanggan didapati bankrap, pihak Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau sebahagian daripada Hutang tersebut.

Sehingga Hutang telah dibayar sepenuhnya kepada pihak Bank, pihak Bank berhak untuk menganggap wang atau dividen yang diterima atau diperoleh semula sebagai tidak dibuat/berlaku. Selepas pembayaran penuh Hutang, sebarang lebihan wang yang tinggal dengan pihak Bank dalam Akaun Gantung hendaklah dikembalikan kepada Pelanggan atau wakil Pelanggan, jika berkenaan.

28. Pengganti. Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat waris, penyelesaian, penerima, wakil, pemegang amanah yang dibenarkan dan pewaris Pelanggan dan boleh dikuatkuasakan oleh pewaris dan pemegang amanah pihak Bank.

29. Tanggung Rugi. Peminjam bersetuju untuk menanggung rugi dan tetap memegang lepas dan menanggung rugi pihak Bank daripada dan terhadap tindakan tuntutan, permintaan, prosiding, kerugian, kerosakan, kos, caj dan sebarang perbelanjaan yang pihak Bank tanggung atau alami berkaitan dengan atau timbul daripada pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat Kemudahan oleh Peminjam.

30. Kejadian di Luar Kawalan Pihak Bank. Walau apa pun peruntukan lain di sini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan sebarang operasi atau menyediakan sebarang perkhidmatan atas sebarang sebab di luar kawalan pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, banjir, rusuhan, bencana alam, sebarang kegagalan atau gangguan terhadap telekomunikasi, bekalan elektrik, bekalan air, bekalan bahan api atau sebarang faktor yang berunsurkan keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan pihak Bank, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang disebabkan oleh perkara tersebut.

31. Kebolehasingan. Sebarang terma, syarat, ketentuan, peruntukan, waad atau aku janji dalam Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagiannya yang menyalahi undang-undang, tak sah, dilarang atau tak boleh dikuatkuasakan dalam mana-mana bidang kuasa hendaklah bagi bidang kuasa tersebut menjadi tidak efektif setakat kesalahan undang-undang, ketaksahan, larangan atau ketakbolehuatkuasaan tersebut tanpa mentaksahkan peruntukan-peruntukan yang lain atau bahagian-bahagian Terma dan Syarat ini dan sebarang kesalahan undang-undang, ketaksahan, larangan atau ketakbolehuatkuasaan dalam mana-mana bidang kuasa tidak akan mentaksahkan atau menyebabkan salah di sisi undang-undang, tak sah atau tak boleh dikuatkuasakan manamana terma lain, syarat, ketentuan, peruntukan, waad atau aku janji dalam mana-mana bidang kuasa yang lain.

32. Keingkaran Balasan. Pihak Bank berhak untuk meneruskan dengan prosiding undang-undang terhadap Peminjam atau memanggil balik Kemudahan, faedah yang dikenakan dan segala wang lain yang perlu dibayar kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini atau menahan atau menarik balik Kemudahan jika berlaku keingkaran pembayaran sebarang wang yang perlu dibayar oleh Peminjam di bawah ini atau bawah mana-mana akaun lain dengan pihak Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau sekiranya berlaku keingkaran membayar sebarang wang di bawah akaun mana-mana pihak lain yang Peminjam menjadi penjamin kepadanya atau apabila Peminjam menjadi tidak siuman atau meninggal dunia.

33. Penyata dikeluarkan oleh pihak Bank.

- (a) Pelanggan bersetuju bahawa penyata akaun yang ditandatangani oleh pengurus atau pegawai/ejen pihak Bank yang diberi kuasa sewajarnya, jika tiada sebarang kesilapan yang jelas dalam penyata akaun atau penipuan oleh pihak Bank, menjadi bukti yang mengikat dan konklusif mengenai Hutang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan di mahkamah Undang-undang.
- (b) Sebarang pertikaian/percanggahan dalam penyata akaun hendaklah dibangkitkan oleh Pelanggan kepada pihak Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata tersebut, jika gagal, penyata itu akan dianggap betul.

34. Fi dan Perbelanjaan. Peminjam hendaklah membayar kepada pihak Bank segala duti setem, fi, kos, caj dan perbelanjaan (termasuk fi guaman atas dasar peguam cara dan anak guam sendiri) yang ditanggung oleh pihak Bank bersehubungan dengan Terma dan Syarat ini dan/atau penguatkuasaan, atau pemeliharaan sebarang hak pihak Bank bersehubungan dengan Kemudahan. Duti setem sebanyak 0.5% daripada Amaun Kemudahan terpakai bagi setiap pemberian Kemudahan.

35. Arahan melalui Telefon atau Penghantaran Faks atau Cara Elektronik atau Digital. Pihak Bank dengan ini diminta dan diberi kuasa oleh Peminjam, untuk bergantung kepada dan bertindak selaras dengan mana-mana arahan, pengesahan dan/atau komunikasi lain oleh Peminjam ("**Arahan**"), sama ada secara lisan atau bertulis, dan sama ada diberi melalui telefon, penghantaran faks atau cara elektronik atau digital yang diberi oleh Peminjam dan/atau orang yang diberi kuasa oleh Peminjam. Pihak Bank adalah berhak untuk bergantung kepada dan bertindak mengikut arahan tersebut apabila pengesahan seperlunya atas arahan tersebut telah dilaksanakan oleh pihak Bank.

Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kos (termasuk kos guaman) yang mungkin ditanggung atau dialami Peminjam secara langsung atau tak langsung sebagai akibat daripada pemberian arahan, ketidakhantaran arahan dan/atau kesilapan dalam penghantaran arahan di bawah ini.

36. Penyalahan Undang-undang. Jika pihak Bank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan mana-mana undang-undang, peraturan atau terbitan rasmi (sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau tidak) atau sebarang perubahan pada tafsiran atau pemakaiannya menjadikannya salah di sisi undang-undang bagi pihak Bank untuk mengekalkan, membiayai atau menguatkuasakan obligasinya di bawah ini, maka pihak Bank hendaklah segera memberi notis tentang penentuan tersebut kepada Peminjam dimana Kemudahan tersebut setakat itu hendaklah dibatalkan dan Peminjam setelah menerima notis daripada pihak Bank, segera membayar balik segala wang yang dipersetujui akan dibayar oleh Peminjam di bawah ini termasuk sebarang kos dan fi yang dikenakan. Penentuan ini hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis pihak Bank dan keputusan pihak Bank tentang tarikh berkuatkuasanya penentuan tersebut adalah muktamad.

37. Jaminan Berterusan. Liabiliti dan/atau obligasi Peminjam di bawah Kemudahan ini hendaklah sah secara berterusan dan mengikat bagi apa jua tujuan biarpun berlaku sebarang perubahan sama ada kerana Peminjam bankrap, meninggal dunia, menjadi tidak siuman atau sebaliknya dan/atau sebarang perubahan disebabkan penyatuan, pembentukan semula atau sebaliknya yang mungkin dilakukan dalam pertubuhan pihak Bank.

38. Pindaan. Terma dan Syarat ini dan ketersediaan, had, kadar faedah, fi dan caj Kemudahan adalah tertakluk kepada garis panduan daripada BNM dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan. Pihak Bank berhak mengubah, menambah, menggugurkan atau meminda Terma dan Syarat di dalam ini menurut budi bicara mutlaknya dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kepada Peminjam.

39. Perjanjian Tunggal. Permohonan Kemudahan oleh Pelanggan, di mana Jadual Pembayaran Balik, Notis Pengeluaran dan semua perjanjian lain dan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Bank berkaitan dengan Kemudahan serta sebarang Arahan daripada Pelanggan hendaklah dibentuk dan ditafsirkan sebagai suatu perjanjian tunggal antara pihak Bank dan Pelanggan.

40. Undang-undang Terpakai. Terma dan Syarat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Peminjam dengan ini bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tak eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

41. Masa. Masa apabila disebut adalah perkara asas dalam Terma dan Syarat ini.

42. Tafsiran. Perkataan yang membawa maksud bilangan tunggal juga termasuk bilangan jamak, begitu juga sebaliknya; dan perkataan yang membawa maksud jantina lelaki adalah termasuk jantina wanita dan jantina neutral, begitu juga sebaliknya;

BAHAGIAN B – TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN BAGI PINJAMAN PERIBADI PENGGABUNGAN BAKI HONG LEONG (“PLC”)

Terma dan syarat tambahan bagi Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki Hong Leong melengkapi dan menjadi sebahagian Terma dan Syarat. Sekiranya terdapat percanggahan atau pertentangan antara terma-terma yang terkandung dalam Bahagian B Terma dan Syarat dan Bahagian A Terma dan Syarat, maka terma tertentu dalam Bahagian B di sini hendaklah diutamakan setakat percanggahan atau pertentangan itu.

1. Jika diluluskan, Peminjam diberi PLC bagi tujuan penyelesaian penuh baki pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi dan/atau baki kad kredit/kard kredit-i (“**Penyatuan Hutang**”) bertunggak seperti mana dinyatakan oleh Peminjam dalam permohonan Kemudahan.
2. Kadar faedah efektif PLC ialah maksimum dua peratus (2%) lebih rendah daripada kadar faedah efektif disatukan atas caj faedah digabungkan bagi kemudahan pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi dan kad kredit/kad kredit-i bertunggak Peminjam yang sedia ada.
3. Peminjam mestilah menyediakan penyata pinjaman/pembiayaan terkini atau penyata penebusan atau ringkasan pinjaman/pembiayaan bagi penyata bulanan atau tahunan pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi sedia ada dan kad kredit/kad kredit-i terkini untuk menunjukkan baki semasa yang belum dijelaskan dan caj kewangan/kadar faedah bagi kemudahan kredit tersebut daripada institusi kewangan sedia ada dan untuk membolehkan pihak Bank mengira Kadar Faedah Ditetapkan bagi PLC. Sekiranya Peminjam gagal menunjukkan mana-mana dokumen yang dikehendaki seperti di atas, pihak Bank akan menggunakan caj kewangan 17.00% setahun bagi kad kredit/kad kredit-i dan Kadar Faedah Efektif sebanyak 13.87% setahun bagi pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi sebagai tanda ukur untuk mengira penjaminan faedah sebanyak 2.00% setahun.
4. Kadar Faedah Ditetapkan kekal tidak berubah sekiranya Amaun Kemudahan yang diluluskan adalah kurang daripada amaun yang dimohon oleh Peminjam atau tidak mencukupi untuk melangsaikan kesemua pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi dan baki kad kredit/kad kredit-i yang bertunggak seperti mana yang dimohon dan dinyatakan dalam permohonan Peminjam.
5. Bagi Kemudahan Pengeluaran Tunai Tambahan, dimana amaun tambahan diluluskan untuk dibayar ke dalam akaun Peminjam seperti mana dinyatakan dalam permohonan Kemudahan itu:
 - (a) Amaun maksima yang diberi adalah dihadkan setakat 100% atas jumlah kad kredit/kad kredit-i dan baki pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi yang bertunggak dalam permohonan Peminjam.

Sebagai contoh:

- (i) Jumlah kemudahan kad kredit/kad kredit-i dan Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi: RM38,000
- (ii) Permintaan permohonan Pengeluaran Tunai Tambahan: RM38,000 (100% had maksima)
- (iii) Jumlah Amaun PLC yang boleh diberi: RM76,000
- (b) Kadar Faedah Ditetapkan bagi amaun Pengeluaran Tunai Tambahan adalah pada kadar yang sama seperti yang dikenakan ke atas penyatuan hutang yang diluluskan oleh pihak Bank.

6. Pihak Bank berhak menolak mana-mana pemohon tidak layak daripada menyertai PLC.
7. Di bawah PLC, Peminjam adalah dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas penjelasan segala fi, caj dan/atau penalti yang dikenakan bersehubungan dengan Penyatuan Hutang Peminjam yang mungkin dikenakan oleh institusi kewangan berkenaan yang telah memberi kemudahan kredit berkenaan kepada Peminjam.
8. Sekiranya bayaran penyelesaian berlebihan telah dibuat bagi Penyatuan Hutang, maka Peminjam bertanggungjawab sepenuhnya untuk meminta pemulangan bayaran berlebihan itu daripada institusi kewangan berkenaan tanpa bantuan pihak Bank.